

**KESIBUKAN KERJA DAN TAHAP AMALAN
KEPIMPINAN DALAM KALANGAN
GURU BESAR**

NURUL FARAHIN ABDULLAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

TAJUK : KESIBUKAN KERJA DAN TAHAP AMALAN KEPIMPINAN DALAM KALANGAN GURU BESAR

IJAZAH : SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

SAYA : NURUL FARAHDIN ABDULLAH SESI PENGAJIAN : 2010/2011

Mengaku membenarkan disertasi (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)
TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Cmatt.

(NURUL FARAHDIN ABDULLAH)

Disahkan oleh



(DR ANUAR BIN DIN)

Alamat Tetap:
KG KERASIK,
PETI POS 91,
89100 PITAS,
SABAH

Tarikh: 30 APRIL 2013

Tarikh : 30 April 2013

CATATAN :- * Potong yang tidak berkenaan

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@ Tesis ini dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGAKUAN

"Karya ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satu nya telah saya jelaskan sumbernya."

30 APRIL 2013

Cmatt.

NURUL FARAHIN ABDULLAH

PT20107373C



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **NURUL FARAHIN ABDULLAH**

NO MATRIK : **PT20107357C**

TAJUK : **KESIBUKAN KERJA DAN TAHAP AMALAN KEPIMPINAN DALAM
KALANGAN GURU BESAR**

IJAZAH : **SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

TELAH DISAHKAN OLEH



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENYELIA

Dr.ANUAR BIN DIN

A handwritten signature in black ink, consisting of stylized cursive letters, likely representing the name of the supervisor.

Tandatangan

PENGHARGAAN

Allamdullilah, bersyukur kepada Allah sebab atas petunjuk serta limpah izinNYA, telah memberi insan kerdil ini ketabahan sehingga membolehkan disertasi serta pengajian ini selamat disempurnakan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan rasa penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu saya untuk menyiapkan disertasi ini.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, iaitu Dr. Anuar Din yang telah banyak membimbing saya dalam proses penyediaan disertasi ini. Segala bimbingan dan nasihat yang diberikan merupakan panduan yang sangat bererti kepada saya. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua guru-guru besar di sekolah Bahagian Pantai Barat Utara (PBU) yang sudi menjadi responden dan memberikan kerjasama kepada saya.

Begitu juga penghargaan ini kepada sahabat-sahabat lain yang telah sudi untuk memberikan idea dalam beberapa aspek dalam kajian ini. Semoga Allah memberikan ganjaran yang sewajarnya di dunia dan di akhirat. Tidak lupa kepada suami tercinta dan anak-anak yang sentiasa memberikan dorongan dan sokongan serta sentiasa bersabar dan berkorban sepanjang tempoh pengajian saya ini.

Di samping itu, tidak lupa juga kepada nenek kesayangan saya, saudara mara, rakan-rakan yang turut menyokong saya dan mendoakan kejayaan saya dalam menghadapi cabaran hidup. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan. Semoga usaha ini menjadi perintis dan dorongan kepada anak-anak untuk kejayaan di masa depan.

Wassalam,

NURUL FARAHIN ABDULLAH

ABSTRAK

KESIBUKAN KERJA DAN KEPIMPINAN PENGAJARAN DALAM KALANGAN GURU BESAR

Kajian ini bertujuan untuk melihat kesibukan kerja dan kepimpinan pengajaran dalam kalangan guru besar di sekolah-sekolah rendah dalam empat daerah Bahagian Pantai Barat Utara. Kajian ini juga meneliti hubungan kesibukan kerja guru besar dengan kepimpinan pengajaran yang diamalkannya. Kajian ini berbentuk kuantitatif secara tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Seramai 113 orang guru besar sebagai responden dilibatkan dalam kajian ini. Data dikumpul dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For The Social Science* (SPSS) versi 16.0. Analisis deskriptif digunakan untuk, peratusan, min, dan sisihan piawai demografi kajian berdasarkan jantina serta analisis inferensi iaitu ujian-t dan Korelasi Pearson digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara dua pemboleh ubah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesibukan kerja guru besar berada pada tahap yang tinggi dengan min=4.591 dan tahap kepimpinan pengajaran berada pada tahap sederhana dengan min=3.130. Keputusan hasil dapatan kajian menggunakan Korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan ($r=0.038$, $p<0.05$) antara kesibukan kerja dengan kepimpinan pengajaran dalam kalangan guru besar. Keseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa guru besar sentiasa sibuk dengan kerja berbanding dengan kepimpinan pengajarannya iaitu berada pada tahap sederhana untuk diamalkan oleh guru besar. Berdasarkan kajian, didapati bahawa guru besar perempuan lebih mengamalkan kepimpinan pengajarannya di sekolah berbanding dengan guru besar lelaki. Cadangan agar kajian lanjutan yang menyeluruh perlu dijalankan untuk memperoleh dapatan yang lebih mantap.

ABSTRACT

TEACHING LEADERSHIP AND WORKLOAD AMONG HEADMASTERS AND HEADMITRESS IN SCHOOL

The purpose of this research was to measure the level of workload amog headmasters and headmitress in four district of Bahagian Pantai Barat Utara. This research also focus on the realtionship between workload and teaching leadership that were used in classroom. This a quantitative research which used questionnaire as a method of intrument. The respondents were 113 headmasters and headmitress. The data were colletecd and analyzed using Statistical Package For The Social Science (SPSS) version 16.0. Descriptives analyzed was used to collect frequency, percentage, min, and standard demographic deviation based on gender and inferenson analyzed was used for t-test dan Pearson Correlation to identify the realtionbetween two variables. Based on the founding, the level of workload among the headmaster and headmitress a were high with mean=4.591, while teaching leadership were average scale with mean=3.130. based on Pearson Correlation, the result shoven that the headmistress focus more on their teaching leadership in school compared to the headmasters. Further research has to be carried out in order to get more accurate result.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii

BAB1 : PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Tujuan Kajian	4
1.5	Objektif Kajian	4
1.6	Soalan Kajian	5
1.7	Hipotesis Kajian	5
1.8	Kepentingan Kajian	6
1.9	Batasan Kajian	6
1.10	Definisi Operasional	7
	1.10.1 Kesibukan Kerja Guru Besar	7
	1.10.2 Kepimpinan Pengajaran	7
	1.10.3 Guru Besar	7
1.11	Kerangka kajian	8
1.12	Kesimpulan	9

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	10
2.2	Literatur Berkaitan	10
	2.2.1 Peranan Guru Besar	10
	2.2.2 Bidang Tugas Guru Besar	12

2.2.3	konsep Kesibukan Tugas Guru Besar	13
2.2.4	Konsep Kepimpinan Pengajaran	14
2.2.5	Dimensi Dalam Kepimpinan Pengajaran	18
2.2.6	Fungsi Dalam Kepimpinan Pengajaran	20
2.3	Pendekatan Teori	23
2.3.1	Teori Tekanan Akademik	24
2.3.2	Teori Hubungan	25
2.3.3	Model Kepimpinan Pengajaran	26
2.4	Kajian Lepas	28
2.5	Kesimpulan	31

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	32
3.2	Reka Bentuk Kajian	32
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	33
3.3.1	Populasi Kajian	33
3.3.2	Sampel Kajian	33
3.4	Lokasi Kajian	35
3.5	Instrumen Kajian	35
3.5.1	Struktur Instrumen	35
3.5.2	Penilaian Instrumen	36
3.6	Kajian Rintis	38
3.6.1	Kesahan Instrumen	39
3.6.2	Kebolehpercayaan	39
3.7	Pembolehkan Kajian	40
3.7.1	Pemboleh Ubah Bersandar	40
3.7.2	Pemboleh Ubah Bebas	40
3.8	Tatacara Pengumpulan Data	41
3.8.1	Pembentukan Soal Selidik	41
3.8.2	Mentadbir Soal Selidik	41
3.9	Pengumpulan Dan Penganalisan Data	43
3.9.1	Analisis Deskriptif	43
3.9.2	Analisis Inferensi	44
3.10	Kesimpulan	45

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	46
4.2	Taburan Kenormalan Data	46
4.3	Analisis Demografi Responden	47
4.4	Analisis Soalan Kajian	48
4.4.1	Analisis Deskriptif Tahap Kesibukan Kerja Dalam Kalangan Guru Besar	48
4.4.2	Analisis Tahap Kepimpinan Pengajaran Dalam Kalangan Guru Besar Terhadap Fungsinya	48
4.5	Analisis Hipotesis Kajian	49
4.6	Kesimpulan	52

BAB 5: PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	53
5.2	Rumusan Kajian	53
5.3	Perbincangan	54
5.3.1	Tahap Kesibukan Kerja dalam Kalangan Guru Besar	55
5.3.2	Tahap Kepimpinan Pengajaran Dalam Kalangan Guru Besar Terhadap Fungsinya	56
5.3.3	Kesibukan Guru Besar Berdasarkan Jantina	58
5.3.4	Kepimpinan Pengajaran Berdasarkan Jantina	58
5.4	Implikasi Kajian	60
5.5	Cadangan	61
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	63
5.7	Penutup	64
BIBLIOGRAFI		65

SENARAI JADUAL

	Muka Surat
Jadual 2.1. Ringkasan Sebelas Fungsi Kepimpinan Pengajaran	23
Jadual 2.2. Model-Model Kepimpinan Pengajaran	27
Jadual 3.1 Bilangan Populasi Kajian	33
Jadual 3.2 Taburan Sampel Bagi Setiap Daerah	34
Jadual 3.3 <i>Table For Determining Sample Size From A Given population</i>	34
Jadual 3.4 Lokasi Kajian	35
Jadual 3.5 Skala Likert	36
Jadual 3.6 Nombor Soalan Mengikut Aktiviti	37
Jadual 3.7 Nombor Soalan Mengikut Dimensi Dan Fungsi	38
Jadual 3.8 Analisis Tahap Mengikut Min	44
Jadual 3.9 Klasifikasi Kekuatan Korelasi 'r'	45
Jadual 4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	47
Jadual 4.2 Analisis Deskriptif Tahap Kesibukan Dalam Kalangan Guru Besar	48
Jadual 4.3 Analisis Tahap Kepimpinan Pengajaran Dalam Kalangan Guru Besar Terhadap Fungsinya	49
Jadual 4.4 Analisis Ujian-t Pada Kesibukan Guru Besar Mengikut Jantina	50
Jadual 4.5 Analisis Ujian-t Pada Tahap Kepimpinan Guru Besar Mengikut Jantina	51
Jadual 4.6 Analisis Korelasi Pearson Antara Kesibukan Dalam Kalangan Guru Besar Dengan Kepimpinan Pengajarannya	51

SENARAI RAJAH

		Muka Surat
Rajah 1.1	Kerangka Kajian	9
Rajah 2.1	Teori Tekanan Akademik	25
Rajah 2.2	Teori Hubungan Firestone dan Wilson	26
Rajah 3.1	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Bebas dan Pemboleh Ubah Bersandar	40
Rajah 3.2	Prosedur Kajian	42



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

		Muka Surat
Rajah 1.1	Kerangka Kajian	9
Rajah 2.1	Teori Tekanan Akademik	25
Rajah 2.2	Teori Hubungan Firestone dan Wilson	26
Rajah 3.1	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Bebas dan Pemboleh Ubah Bersandar	40
Rajah 3.2	Prosedur Kajian	42



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

Muka Surat

LAMPIRAN A	Soal Selidik Kajian	72
LAMPIRAN B	Kelulusan Menjalankan Kajian Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia	79
LAMPIRAN C	Data Kenormalan, Ujian-t, Korelasi Pearson	80



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Menjelang tahun 2020, Malaysia dijangka mencapai status negara maju yang menumpukan kepada pembangunan industri tinggi berteraskan teknologi maklumat. Memandangkan keperluan pendidikan untuk menyokong usaha negara, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengorak langkah membuat anjakan paradigma kepada budaya berasaskan ilmu dan pemikiran sekolah-sekolah. Sehubungan dengan itu, sistem pendidikan kebangsaan diharap dapat mengeluarkan lepasan sekolah yang kreatif dan berdaya fikir, mampu menjana idea dan rekaan baru untuk membangunkan industri berasaskan produk serta perkhidmatan bernilai tambah. Peranan guru besar semakin hari semakin mencabar sesuai dengan perubahan dalam dunia pendidikan ke arah transformasi pendidikan masa kini. Guru besar merupakan pemimpin di sesebuah sekolah dan memikul tanggungjawab yang amat penting dalam sesebuah organisasi yang di bawah pentadbirannya.

Menurut Andi Audrayanah Md. Noor (2007), kejayaan dan kegagalan sesebuah sekolah sering dikaitkan dengan kepimpinan guru besar. Hal ini menjadi satu cabaran kepada mereka. Bidang kepimpinan guru besar yang luas banyak menuntut mereka untuk sentiasa mempertingkatkan tahap kepimpinan mereka agar segala tindakan yang dilakukan dapat memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPN). Menurut Hussein Mahmood (1993), sebagai pemimpin, pengetua menjadi individu yang paling penting dan berpengaruh di dalam sesebuah sekolah. Beliau orang yang bertanggungjawab terhadap semua aktiviti yang berlaku di sekolah. Secara umumnya, pengetua bukan sekadar memainkan peranan sebagai pakar runding, penasihat dan koordinator bagi program pengajaran dan pembelajaran tetapi juga perlu menghabiskan masa yang lebih dalam aktiviti-aktiviti profesional guru dan pelajar dan bukan semata-mata sebagai pengurus dan pentadbir yang hanya mengeluarkan arahan sahaja.

Seterusnya, Latif Muhammad (2007) pula berpendapat bahawa peranan pengetua dilihat dari dua dimensi iaitu pentadbiran atau pengurusan dan kepimpinan pengajaran. Kepimpinan pengajaran merujuk pengetua yang mampu menggerakkan sekolah secara berkesan. Kepemimpinan pengajaran merupakan tindakan yang dilakukan oleh pengetua yang mampu meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran yang turut melibatkan guru, murid, ibu bapa, perancangan sekolah, pengurusan sekolah, kemudahan sumber dan budaya sekolah. Justeru itu, pengetua perlu berperanan memastikan segala tenaga dan usaha guru-guru digembleng dengan menggunakan sumber yang ada ke arah pencapaian program pendidikan yang berkesan.

Menurut Mohd. Salleh Mahat (2004) pula, tugas pengetua dalam kepimpinan pengajaran adalah amat penting untuk mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Negara, guru harus menjadi pemimpin pengajaran juga. Mereka seharusnya terlibat secara langsung dan tidak langsung untuk memperbaiki pengajaran, memulakan inovasi dan berusaha untuk mencapai aspirasi bagi memajukan sekolah yang dipimpin. Ini amat penting bagi menentukan sama ada sekolah yang diterajui akan menjadi sekolah yang berkesan atau sebaliknya. Untuk melaksanakan peranan dalam kepimpinan pengajaran ini, pengetua perlu memimpin individu dan kumpulan sama ada di dalam sekolah atau di luar sekolah.

Menurut Sabariah Sharif (2010), sebagai pemimpin pengajaran, pengetua harus boleh bekerja dengan stafnya. Beliau hendaklah berupaya mewujudkan semangat kerja berpasukan yang menggalakkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kuat di sekolah. Tahap kepimpinan pengajaran yang ditampilkan menjadi kayu ukur kepada pencapaian sekolah dalam bidang akademik. Bagi Mohd Noor Jaafar (2005) pula, pengetua yang mengamalkan kepimpinan pengajaran yang berkesan akan mencetuskan sesuatu yang positif dalam diri guru. Sekolah sebagai satu sistem sosial terbuka dan juga satu entiti dipertanggungjawabkan untuk mencapai matlamat hasil pembelajaran yang memberangsangkan dalam kalangan pelajarnya. Hal ini bermula dengan bagaimana seorang guru besar melaksanakan dan mencapai tahap kepimpinan yang mampu menjadi medium utama bagi memastikan setiap pelajar boleh belajar dan menghasilkan prestasi sekolah yang cemerlang.

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Hussein Mahmood (1993), kajian tentang kepimpinan pengajaran banyak dilakukan sejak awal tahun 1980an lagi sehingga kini. Kajian tentang bidang ini kebanyakannya didominasi oleh sorotan kajian tentang sekolah berkesan. Oleh itu, kajian tentang sekolah berkesan telah menemui sekolah yang dikatakan berkesan ialah sekolah yang diurus oleh pengetua yang berbeza tingkah lakunya daripada pengetua yang tidak berkesan. Faktor-faktor yang membezakan kedua-dua situasi sekolah tersebut ialah peranan yang dimainkan oleh pengetua sebagai pemimpin pengajaran.

Menurut beliau lagi, pengetua di sekolah bertanggungjawab menjalankan pelbagai tugas dalam mengurus dan mentadbir. Terdapat juga tugas-tugas bersifat *ad-hoc* yang dijangka akan menambah bebanan tugas pengetua. Situasi dijangka akan menjadikan pengetua sibuk untuk mengurus dan mentadbir sekolah. Tugas ikhtisas selaku pemimpin pengajaran di sekolah kurang diberi penekanan. Sebahagian besar masa pengetua dihabiskan untuk melakukan tugas-tugas pengurusan dan pentadbiran.

Dapatan ini juga disokong oleh Jefri Abdul Ahmad (2004), telah melaporkan dapatan kajian yang pernah dijalankan di beberapa buah negara tumpuan pengetua lebih banyak kepada tugas pejabat. Bagi kajian Elangkumaran Davarajoo (2010) pula, pengetua banyak terlibat mewujudkan persekitaran yang kondusif adalah tinggi berbanding penglibatan pengetua dalam menyokong penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran guru. Selain itu, menurut pendapat Aziah Ismail (2008), penglibatan pengetua dalam bilik darjah secara langsung ini telah diperakui dalam pekeliling KPM bilangan 3/98 bertarikh 22 Jun 1998.

Manakala, pendapat Hussein Mahmood (1993), pengetua merupakan individu yang mendapat latihan profesional sebagai guru. Perubahan dalam dunia pendidikan, menyebabkan pengetua perlu memberi perhatian serius tentang pengajaran yang dilaksanakan oleh para guru kerana kesannya ialah sekolah akan cemerlang dalam pengajaran atau sebaliknya boleh berlaku. Boleh dirumuskan bahawa kesibukan kerja mengurus dan mentadbir menjadikan guru besar semakin terasing daripada tugas memimpin pengajaran di sekolah. Perkara ini patut perlu perhatian serius kerana impaknya adalah kepada organisasi sekolah itu sendiri. Kecemerlangan sesebuah sekolah terletak di atas tanggungjawab guru besar sebagai pemimpin organisasi dalam menentukan kecemerlangan sekolah.

1.3 Pernyataan Masalah

Setelah meneliti tentang peranan guru besar yang sebenarnya dalam organisasi, kesibukan kerja guru besar berkaitan dengan tuntutan Kementerian Pelajaran Malaysia dengan transformasi pendidikan telah memberi satu cabaran kepada pihak pentadbir untuk menjalankan tugas sebagai pemimpin pengajaran di sekolah kerana kesibukan dengan aktiviti guru besar mengurus sekolah. Seiring dengan transformasi pendidikan yang dibuat, guru besar kini kebanyakannya terlalu dibebani dengan pelbagai kerja yang dilakukan disamping terpaksa menghadiri mesyuarat berkaitan dengan prestasi sekolah masing-masing.

Guru besar juga terpaksa memberi pelbagai taklimat dan mesyuarat di sekolah masing-masing untuk berkongsi hasil mesyuarat kepada kakitangan bagi memastikan kemajuan sekolah masing-masing terutamanya sekolah yang berada di bahagian pedalaman. Guru besar juga terpaksa menyelesaikan masalah akademik, komuniti dan juga masalah fizikal sekolah sehingga kepimpinan pengajaran semakin kurang diamalkan. Dengan ini, kajian ini ingin meneliti tentang kesibukan kerja dengan tahap amalan kepimpinan pengajaran guru besar yang berlainan daerah.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap kesibukan kerja guru besar mengurus organisasinya dan tahap kepimpinan pengajaran yang diamalkan. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesibukan kerja guru besar dan hubungan dengan kepimpinan pengajarannya.

1.5 Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian yang dijelaskan ini adalah:

- 1.5.1** Untuk mengenal pasti tahap kesibukan kerja guru besar berdasarkan aktiviti (mesyuarat, tugas pejabat, memantau, mengurus disiplin pelajar dan menghadiri kursus) dalam kalangan guru besar.
- 1.5.2** Untuk mengenal pasti tahap kepimpinan pengajaran guru besar berdasarkan fungsinya.

- 1.5.3** Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kesibukan kerja guru besar lelaki dan perempuan dalam mengurus sekolah.
- 1.5.4** Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kepimpinan pengajaran guru besar lelaki dan guru besar perempuan.
- 1.5.5** Untuk mengenal pasti hubungan yang signifikan antara kesibukan kerja dalam kalangan guru besar dengan tahap kepimpinan pengajarannya.

1.6 Soalan Kajian

Secara khususnya, kajian ini ingin menjawab soalan-soalan kajian seperti berikut:

- 1.6.1** Apakah tahap kesibukan guru besar mengurus sekolah berdasarkan aktiviti (mesyuarat, tugas pejabat, memantau, mengurus disiplin pelajar dan menghadiri kursus)?
- 1.6.2** Apakah tahap kepimpinan pengajaran guru besar berdasarkan fungsinya?
- 1.6.3** Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan terhadap tahap kesibukan kerja guru besar lelaki dan guru besar perempuan?
- 1.6.4** Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam kepimpinan pengajaran antara guru besar lelaki dan guru besar perempuan?
- 1.6.5** Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesibukan kerja dalam guru besar dengan tahap kepimpinan pengajarannya?

1.7 Hipotesis Kajian

Berdasarkan soalan kajian, hipotesis kajian adalah seperti yang berikut:

- H_{01} Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam kesibukan kerja guru besar berdasarkan jantina.
- H_{02} Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam kepimpinan pengajaran guru besar berdasarkan jantina.
- H_{03} Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesibukan kerja dalam kalangan guru besar dengan tahap kepimpinan pengajarannya.

1.8 Kepentingan Kajian

Secara ringkasnya, kajian ini dianggap penting kerana boleh membantu mengenal pasti tahap kesibukan kerja dalam kalangan guru besar seiring dengan komitmen terhadap amalan kepimpinan pengajaran di sekolah. Kajian ini juga amat penting agar pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dapat menyusun atur dan mempertimbangkan tuntutan kerajaan dalam menjadikan pendidikan di Malaysia menjadi pendidikan yang berada di tahap bertaraf dunia. Ini membolehkan beban tugas atau kesibukan kerja guru besar boleh dikurangkan agar dapat memberi fokus terhadap kepimpinan pengajaran di sekolah. Oleh itu, diharap kajian ini dapat mengenal pasti tahap kesibukan dan kepimpinan pengajaran dalam kalangan guru besar. Seterusnya dapat mencadangkan tindakan untuk mengatasi masalah kesibukan guru besar dan meningkatkan tahap kepimpinan pengajaran dalam kalangan guru besar.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan oleh penyelidik di empat buah daerah di Pantai Barat Utara di Sabah. Oleh itu, kajian ini akan melibatkan guru besar sebagai responden untuk melihat tahap kesibukan dan kepimpinan pengajaran guru besar di sekolah-sekolah rendah di Pantai Barat utara. Ini bersesuaian dengan kehendak kajian ini yang mengkaji tentang tahap amalan kepimpinan guru besar dan sejauh mana kesibukan kerja guru besar mempengaruhi kepimpinan pengajarannya di sekolah rendah. Kajian ini tidak melibatkan sekolah menengah. Oleh itu, dapatan kajian ini hanya mewakili sampel kecil sahaja daripada keseluruhan populasi guru besar di sekolah rendah di Pantai Barat Utara di Sabah. Maka, dapatan kajian tidak menggambarkan keseluruhan keadaan yang sebenar di tempat lain.

Kajian ini hanya menggunakan kaedah soal selidik yang dikemaskinikan dalam borang yang diedarkan kepada responden. Disamping itu, kajian ini juga bersifat kuantitatif. Kaedah pengutipan data yang bersifat kualitatif seperti temu bual, pemerhatian tidak dilakukan. Skop kajian adalah tertumpu hanya kepada kesibukan kerja guru besar yang diukur berdasarkan aktiviti-aktiviti pengurusan yang sentiasa dilakukan dengan tahap amalan kepimpinan yang diamalkan.

1.10 Definisi Operasional

1.10.1 Kesibukan Kerja Guru Besar

Juhana Zailah (2007) mendefinisikan sibuk sebagai banyak yang dilakukan atau diurus, asyik mengerjakan sesuatu, giat dan rajin mengerjakan sesuatu. Kesibukan pula bermaksud perihal atau keadaan sibuk, perihal menghadapi atau dibebani banyak kerja. Kesibukan guru besar dalam kajian ini merujuk kepada kesibukannya melakukan aktiviti-aktiviti mengurus dan mentadbir sekolah seperti mesyuarat atau taklimat, tugas pejabat, memantau sekolah, mengurus hal disiplin pelajar dan menghadiri kursus. Aktiviti-aktiviti ini dipilih kerana merupakan aktiviti yang sering dilakukan oleh guru besar di sekolah.

1.10.2 Kepimpinan Pengajaran

Kajian ini membawa konsep kepimpinan pengajaran yang dibawa oleh Hallinger (2011) iaitu kepimpinan pengajaran ialah peranan dan tanggungjawab guru besar terhadap pengajaran dengan memastikan segala tenaga dan usaha para guru dihalakan ke arah pencapaian program pendidikan yang berkesan. Ia meliputi tiga dimensi utama dan 11 fungsi.

Menurut Hallinger (2011), dimensi pertama ialah dimensi menakrifkan matlamat dengan dua fungsi iaitu penentuan dan penyebaran matlamat sekolah. Dimensi kedua ialah pengurusan program pengajaran dengan tiga fungsi dalamannya iaitu pencerapan dan penilaian pengajaran dan pembelajaran, pengurusan kurikulum dan pengawasan kemajuan pelajaran murid. Dimensi terakhir ialah pemupukan iklim pengajaran dan pembelajaran dengan enam fungsi iaitu penjagaan masa pengajaran dan pembelajaran, sokongan dalam aktiviti pengajaran, pemberian peneguhan kepada usaha guru, penggalakkan perkembangan profesionalisme, penguatkuasaan dasar akademik dan pemberian insentif untuk murid.

1.10.3 Guru Besar

Guru Besar ialah individu yang bertanggungjawab dalam melaksanakan proses tindakan, menentukan matlamat dan proses menggerakkan anggota bagi memastikan operasi harian di sekolah dapat berjalan dengan lancar dan berkesan (Azlin Norhaini Mansor, 2004). Guru besar merupakan orang yang penting memimpin dan mengurus sekolah bagi mencapai matlamat sekolah.

Sebagai ketua yang dilantik secara formal oleh pihak berkuasa dan sah dari segi undang-undang dalam organisasi sekolah, guru besar diberikan kuasa dan kedudukan yang istimewa bagi menentukan perjalanan sekolah. Guru besar diharapkan dapat menjalankan ketiga-tiga bidang tugas sekaligus iaitu mengurus, memimpin dan mentadbir (Hussein Mahmood, 1993). Dalam kajian ini, guru besar berfungsi sebagai pemimpin pengajaran di sekolah.


1.11 Kerangka Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka kajian ini. Ia bertujuan melihat hubungan antara kesibukan guru besar dan tahap kepimpinan pengajaran yang diamalkan di Bahagian Pantai Barat Utara. Berdasarkan kerangka konseptual di atas menunjukkan bahawa kesibukan guru besar dalam kajian ini adalah pemboleh ubah tidak bersandar (IV) dan tahap kepimpinan pengajaran guru besar adalah pemboleh ubah (DV) yang bersandar berdasarkan faktor demografi guru besar iaitu jantina dan lima aktiviti kesibukan guru besar. Kerangka kajian ini dibina berasaskan kepada Model Dwyer (1984) dan Kerangka Hallinger dan Murphy (1985) dalam Hallinger (2011).

Berdasarkan pendapat Hallinger (2011), Model Dwyer (1984) menjelaskan tentang peranan guru besar dalam kepimpinan pengajaran. Dalam model ini, tingkah laku kepemimpinan dilihat melalui tingkah laku rutin guru besar yang dipengaruhi oleh pemboleh ubah masyarakat, kepercayaan dan pengalaman guru besar, serta konteks itu sendiri. Dalam hal ini, guru besar berperanan sebagai model untuk mempengaruhi masyarakat iaitu terutamanya kakitangan dalam sekolah. Tanpa kerjasama dan komunikasi yang baik dan pendapat serta perkongsian idea untuk membangunkan sekolah masing-masing amat besar pengaruhnya terhadap kesibukan guru besar.

Tingkah laku kepimpinan guru besar dalam pengurusan pengajaran pula mempengaruhi iklim sekolah dan organisasi pengajaran serta memberi kesan terhadap pencapaian akademik, harga diri, bertanggungjawab, kewarganegaraan, dan sikap murid terhadap pembelajaran. Hallinger dan Murphy (1985) yang menyokong model ini telah mengemukakan satu kerangka yang mencadangkan bagaimana seharusnya guru besar memimpin pengajaran di sekolah.

Rajah 1.1 : Kerangka Kajian Kesibukan Guru Besar dan Tahap Kepimpinan Pengajaran Sekolah Rendah



1.12 Kesimpulan

Oleh itu, dapat dijelaskan bahawa guru besar perlu berusaha untuk melengkapkan diri dengan ilmu kepimpinan pengajaran dan mahir dalam pengurusan organisasi sekolah. Kepimpinan berkesan akan memastikan sekolah mencapai matlamatnya. Dengan kajian ini, diharap dapatan kajian akan membantu memberi maklumat kepada guru besar bagaimana membentuk kepimpinan pengajaran yang tertentu sehingga berjaya menjadikan sekolah sebagai sekolah yang cemerlang dan terbilang.

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bahagian kedua bab ini merangkumi bahagian yang membincangkan konsep yang digunakan dalam kajian ini. Selain itu, ia juga membincangkan teori atau model yang digunakan oleh pengkaji serta model kajian. Ia juga membincangkan hasil rumusan dari bahan-bahan bertulis iaitu kajian lepas yang berkaitan dan artikel daripada pelbagai sumber. Ia bertujuan agar kajian yang dijalankan tidak menyimpang daripada skop asal kajian.

2.2 Literatur Berkaitan

2.2.1 Peranan Guru Besar

Menurut Hussein Mahmood (1993), peranan ditakrifkan sebagai satu set pengharapan. Sebagai individu yang mengetuai dan mengepalai sekolah, guru besar memainkan pelbagai peranan iaitu mengurus, memimpin, mentadbir, menyelia, menjadi kaunselor dan juga sebagai pakar rujuk. Pengharapan termasuklah pengharapan guru besar sendiri terhadap diri sendiri dan juga pengharapan orang lain terhadap guru besar. Menurut Ramaiah (2001) menyatakan bahawa peranan guru besar melibatkan empat perkara.

Pertama: Membentuk Falsafah Sekolah. Guru besar adalah bertanggungjawab menentukan matlamat dan objektif sekolah dan membentuk budayanya. Guru besar mengutarakan misi dan menggerakkannya melalui kerjasama dan komitmen staf yang ada di bawahnya. Kedua: Membentuk Struktur Sekolah: Guru besar membentuk polisi dan memperuntukkan pelbagai sumber untuk merealisasikan matlamat dan objektif yang ditetapkan. Dalam keadaan biasa, hal ini dilaksanakan melalui pengagihan tugas kepada staf bawahan seperti guru-guru penolong kanan dan guru khusus yang lain. Ketiga: Mengurus dan Memotivasikan Staf Sekolah.